

11 MAR 1999

Mahathir-Sabah (Pilihan raya)

PILIH BN DEMI MASA DEPAN, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini merayu rakyat Sabah supaya memilih calon-calon Barisan Nasional (BN) demi masa depan yang cerah dan kesejahteraan mereka.

Dalam satu perutusan khas kepada rakyat Sabah yang dirakamkan untuk siaran melalui televisyen, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan harapannya semua rakyat Sabah akan memilih BN untuk mendirikan kerajaan yang kuat dan kukuh.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN berkata kerajaan pusat berjanji akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada kerajaan negeri pimpinan BN.

Beliau membuat rakaman untuk televisyen itu sekembalinya dari lawatan dua hari ke Sabah di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini hari ini.

Rakyat Sabah mula mengundi esok pada pilihan raya negeri yang disebut-sebut sebagai yang paling sengit dalam sejarah negeri itu setelah kempen pilihan raya selama 10 hari.

Seramai 199 calon bertanding untuk merebut 48 kerusi Dewan Undangan Negeri dengan 144 atau lebih dua pertiga adalah calon daripada tiga parti utama - Barisan Nasional (BN), Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Bersekutu yang bertanding di semua kawasan pilihan raya.

Dr Mahathir berkata kerajaan BN terdiri daripada wakil pelbagai kaum dan parti komponen yang sedia bekerjasama di peringkat pusat dan negeri.

"Sudah tentu adalah lebih mudah bagi kerajaan pusat untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri yang terdiri daripada satu parti (BN)," katanya.

Dr Mahathir percaya rakyat Sabah akan memilih BN berdasarkan kepada pengamatannya semasa berada di Sabah dan sokongan rakyat negeri itu terhadap calon-calon BN.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada rakyat Sabah kerana memastikan tiada insiden buruk, rusuhan dan sebagainya berlaku menjelang pilihan raya dan sepanjang kempen serta rapat umum yang diadakan.

Perdana Menteri menegaskan inilah keistimewaan Malaysia, walaupun penduduknya berbilang kaum mereka hidup dengan harmoni dan aman damai.

"Kerajaan ingin menyatakan bahawa ini adalah satu daripada hasil pemerintahan kerajaan BN iaitu kita telah berjaya merapatkan hubungan antara kaum dan mewujudkan masyarakat yang harmoni," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan perpaduan kaum, negara menjadi stabil dan tidak mempunyai masalah seperti negara membangun yang lain yang mengalami rusuhan antara kaum.

Melalui pemerintahan BN, kerajaan berjaya membentuk satu masyarakat yang suka kepada keamanan dan kedamaian serta menikmati kehidupan yang baik.

Katanya keadaan sedemikian membolehkan Malaysia mengatasi masalah dengan baik dan tenang, umpamanya semasa menghadapi masalah ekonomi akibat penurunan nilai mata wang dan pasaran saham.

"Kita harus terus menghargai keharmonian dan mengekalkan kestabilan," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau lebih yakin BN akan memenangi pilihan raya negeri Sabah .

"Saya lebih yakin BN akan mendapat kemenangan bukan setakat simple majority tetapi boleh membentuk kerajaan yang lebih kuat," katanya.

-- BERNAMA

ES HS RON

